

Wacana Isu-isu Keadilan Sosial dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia

BITARAVolume 4, Issue 2, 2021: 151-161
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Discourse of Social Justice Issues in a Multicultural Society in Malaysia]

Siti Noor Atikah Mohd Shamsuddin,¹ Ahmad Sunawari Long¹ & Yusri Mohamad Ramli¹

Abstrak

Persoalan keadilan sosial sering kali menjadi topik perbincangan yang hangat dari dahulu sehingga kini, perbincangan tersebut meliputi pelbagai cara dan pelbagai aspek. Malah pelbagai tafsiran tentang konsep keadilan sosial membuktikan bahawa wacana keadilan sosial di Malaysia sentiasa berkembang dari semasa ke semasa dan merupakan isu utama yang menarik perhatian para sarjana. Oleh itu, isu-isu keadilan sosial adalah satu isu yang perlu dikaji kerana kepelbagaian dalam mentafsir konsep keadilan sosial serta untuk mengelakkan perbezaan terhadap wacana keadilan sosial. Objektif kajian ini adalah mengkaji serta meneliti idea pengisian isu-isu keadilan sosial dalam konteks masyarakat majmuk menurut pandangan sarjana. Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang melibatkan analisis kandungan. Analisis kandungan dilakukan dengan mengenal pasti isu keadilan sosial yang terdapat dalam masyarakat majmuk. Metode ini merangkumi kaedah pengumpulan, pentafsiran dan rumusan kepada isu keadilan sosial. Data-data yang diperolehi daripada sumber tersebut kemudian dianalisis melalui pendekatan tematik. Hasil kajian mendapati antara isu-isu keadilan sosial dari aspek hubungan antara kaum, ekonomi dan isu pendidikan dan Bahasa. Hal ini, lazim berlaku dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru, pendekatan terhadap sesuatu isu yang melibatkan masyarakat majmuk tidak boleh dilakukan tanpa penelitian yang jelas terhadap latar belakang dan faktor yang mempengaruhi isu-isu tersebut. Ini adalah bertujuan menghasilkan jalan penyelesaian yang sesuai dengan konteks serta realiti semasa masyarakat pelbagai kaum di Malaysia..

Kata kunci:

wacana, keadilan sosial, masyarakat majmuk.

Abstract

The issue of social justice has often been a hot topic of discussion from the past to the present, where the discussion covers a variety of aspects and multiple approaches. In fact, various interpretations of the concept of social justice prove that the discourse of social justice in Malaysia is constantly evolving from time to time and it is one of the major issues that attracts the attention of scholars. Therefore, social justice issues necessitate the study because of its multiplicity interpretations of the concept and to avoid differences on the discourse of social justice. The objective of this study is to investigate and examine the issues of social justice in the context of a multicultural society according to scholars' views. This study uses a qualitative method that involves content analysis. Content analysis is done by identifying social justice issues that exist in a multicultural society. The method includes collecting data, interpretation of meaning from the content and summary of the issues from the content. The

¹ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Corresponding Author:

AHMAD SUNAWARI LONG, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.
E-mail: aslong@ukm.edu.my

data obtained from these means are then analysed using a thematic analysis. The results of the study found that social justice issues are inter related with race relations, economy and issues of education and language. These are common among the multicultural society in Malaysia. Thus, a study of the social justice issues involving a multicultural society in Malaysia could be done with a clear study of the background and factors that influence the issues using the qualitative content analysis and hence to produce solutions that are appropriate to the current context and reality of the multicultural society in Malaysia.

Keywords:

Discourse, social justice, multicultural society

Cite This Article:

Siti Noor Atikah Mohd Shamsuddin, Ahmad Sunawari Long & Yusri Mohamad Ramli. 2021. Wacana isu-isu keadilan sosial dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 151-150.

Pengenalan

Beberapa persoalan kontemporari di dunia pada hari ini benar-benar menuntut perbincangan serta renungan yang serius mengenai konsep keadilan sosial. Hampir kesemuanya melibatkan persoalan keanggotaan seseorang individu atau kumpulan dalam sesebuah masyarakat yang dikongsi bersama, perbezaan antara seorang manusia dengan manusia yang lain yang hampir-hampir menjadi penanda aras moraliti dan kehendak sebuah kelompok yang lebih besar yang dianggotai individu tersebut.

Dalam konteks masyarakat majmuk, terutamanya di negara maju selepas Revolusi Perindustrian dan di negara membangun selepas dekolonisasi, tidak dapat dinafikan kerencaman budaya yang lazim berlaku. Bukan sekadar itu, memasuki abad ke-21 pula, rantau ini terutamanya Asia Tenggara banyak diwarnai konflik tidak kira dalam negara mahupun luar negara. Semua masyarakat mula menuntut perbincangan yang bernas. Persoalan seputar perkauman, etnik, kebudayaan, kewarganegaraan, hubungan autoriti kekuasaan dengan institusi agama, migrasi serta hak-hak buruh, pencemaran alam sekitar, dan bermacam-macam lagi menjadi topik utama yang hangat dibahaskan di ruang-ruang popular seperti media sosial.

Menurut Hazman Bahrom (2019) keadilan merupakan prinsip yang sangat penting untuk kehidupan bermasyarakat dalam mewujudkan keseimbangan, keharmonian dan keselarasan dalam kehidupan umat manusia yang berbilang kaum. Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk pelbagai bangsa dan agama seperti Malaysia, kedamaian dan keharmonian semestinya menjadi elemen utama kepada negara. Namun begitu, pelbagai persoalan yang timbul melibatkan isu-isu keadilan sosial seperti hubungan antara kaum, isu budaya dan bahasa, isu ekonomi dan sebagainya seolah-olah menggambarkan bahawa asas yang didambakan telah menemui kegagalan. Justeru, mencari jawapan kepada masalah ini adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan supaya kemaslahatan tercapai dan kemudharatan dapat dihilangkan.

Perbincangan mengenai wacana keadilan sosial sering kali kita dengar tidak kira keadaan mahupun masa. Malah keadilan sosial sering kali dituntut dan diperjuangkan oleh semua bangsa umat manusia yang terdiri daripada pelbagai golongan. Rata-rata sarjana Barat

mahupun sarjana Islam membahaskan konsep keadilan sosial dan mengiktiraf bahawa keadilan itu harus ditegakkan dan diperjuangkan tanpa mengira budaya, agama, bangsa, warna kulit dan lain-lain. Mereka beranggapan bahawa keadilan sosial ini adalah merupakan satu hak asasi manusia yang bersifat universal yang harus dipertahankan.

Konsep Keadilan Sosial dalam Islam

Perbincangan konsep keadilan sosial berulang kali didengari tidak kira keadaan mahupun masa. Malah konsep keadilan ini sentiasa dituntut dan diperjuangkan oleh semua manusia. Rata-rata intelektual mengiktiraf bahawa keadilan sosial harus ditegakkan dan diperjuangkan tanpa mengira agama, budaya, bangsa, warna kulit dan lain-lain. Persoalannya, bagaimanakah keadilan sosial itu digambarkan dan ditafsirkan?

Menurut Chandra Muzaffar (1996) menjelaskan konsep adil itu adalah makruf dan yang tidak adil adalah mungkar. Beliau menjelaskan keadilan sosial juga adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul dan sepatutnya ia berada. Contohnya jika menolong golongan miskin dan menderita adalah perbuatan makruf. Jika menzalimi golongan yang miskin dan menderita itu mungkar. Begitu juga sekiranya membina sebuah perpustakaan untuk membolehkan penghuni sebuah kampung memperolehi ilmu pengetahuan kita melakukan sesuatu yang makruf. Sebaliknya, menghancurkan gedung ilmu itu adalah perbuatan mungkar. Daripada keterangan ringkas ini jelaslah bahawa yang makruf itu secara langsung membawa kepada keadilan walhal yang mungkar membawa kepada ketidakadilan. Sejak zaman berzaman keadilan sosial dianggap penting bagi menjamin kestabilan masyarakat.

Sementara itu, Syed Husin (2015) pula keadilan harus mengambil berat tentang pengagihan saksama kekayaan dalam kalangan rakyat dan peluang pekerjaan yang sama rata. Jelas keadilan tidak berlaku apabila terdapat pengumpulan kekayaan yang tidak terhad di kalangan segelintir orang, manakala pada sisi lain masih ramai berada dalam kemiskinan yang mengerikan atau apabila peluang pekerjaan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti etnik, pilih kasih atau kronisme. pengagihan kekayaan yang tidak adil sering bertindih dengan kumpulan etnik dan kawasan geografi, walaupun situasinya kini semakin baik berbanding masa lalu.

Selain itu, terdapat juga pandangan sarjana lain menjelaskan konsep keadilan sosial seperti Mohamed Jusoh (1978) menjelaskan keadilan sosial di dalam Islam sangat luas, meliputi bidang kegiatan sosial itu sendiri serta aspek pergaulan, muamalat, pendidikan, kebudayaan dan ekonomi yang aspek ini meliputi kehidupan masyarakat. Dalam menegakkan keadilan sosial Islam telah menentukan tugas-tugas hak dan tanggungjawab bila semuanya menjalankan tugas-tugas hak dan tanggungjawab masing-masing kepada diri sendiri dan masyarakat maka keadilan akan terlaksana sepenuhnya. Penyelewengan dari undang-undang Tuhan bererti mencabul keadilan, contohnya Islam menetapkan nisbah dua bahagian kepada lelaki dan satu bahagian kepada perempuan dalam pembahagian harta pusaka, adalah adil kerana memandangkan tanggungjawab yang berbeza. Jika ketetapan ini dilanggar bererti kita melanggar prinsip keadilan yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Untuk menjamin keadilan, Islam sebenarnya mempunyai prinsip tertentu, termasuk perhubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan alam sekeliling.

Manakala, Ahmad Sarji (2005) menyatakan bahawa keadilan sosial menggambarkan satu keadaan hidup di mana setiap individu mempunyai hak-hak mereka sendiri dan dalam mencapai hak-hak tersebut, hak-hak ahli masyarakat yang lain tidak diketepikan. Ini kerana keadilan dari aspek ini mempunyai implikasi sosial yang amat luas dan dengan tercapainya Hasrat setiap anggota masyarakat itu sudah pasti kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat akan menjadi lebih terjamin.

Konsep keadilan dalam Islam adalah keadilan yang mutlak dan menyeluruh dalam semua bidang. Keadilan sosial yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah merupakan suatu sistem keadilan sosial yang unik diantara semua sistem pernah wujud dalam kalangan umat manusia baik yang terdahulu mahupun sekarang. Ia merupakan sistem yang unik dalam merealisasikan persamaan yang mutlak, kekuasaan kelas, perdamaian diantara umat manusia dan sebagainya. (Ali Anwar Yusuf 2002, Hlm 78)

Menurut Ali Anwar (2002) konsep keadilan dalam Islam adalah keadilan yang mutlak dan menyeluruh dalam semua bidang. Keadilan sosial yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah merupakan suatu sistem keadilan sosial yang unik diantara semua sistem pernah wujud dalam kalangan umat manusia baik yang terdahulu mahupun sekarang. Ia merupakan sistem yang unik dalam merealisasikan persamaan yang mutlak, kekuasaan kelas, perdamaian diantara umat manusia dan sebagainya. Keadilan sosial dalam Islam bukanlah bersifat teori semata-mata tetapi keadilan yang telah dipraktikkan. Telah banyak tercatat dalam sejarah contoh-contoh keadilan sosial yang telah dilaksanakan dalam kehidupan seharian.

Konklusinya, menerusi perbahasan ini konsep keadilan sosial menunjukkan perbezaan dalam menjustifikasi maksud keadilan sosial. Walau bagaimanapun, melalui penelitian pandangan sarjana-sarjana ini boleh disimpulkan bahawa konsep keadilan sosial tidak dapat dipisahkan daripada membahaskan tentang keseimbangan dan kesamarataan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

Isu Keadilan Sosial aspek Ekonomi

Mutakhir ini, perbahasan mengenai keadilan sosial dari aspek ekonomi telah perlihatkan semula bibit-bibit keretakan yang memisahkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Malah tiada siapa yang hairan dengan reaksi yang timbul daripada perbahasan ini. Oleh sebab itu, amat penting untuk kita mempersoalkan keberkesanan dalam melangsungkan pendekatan berunsur etnik ini di dalam ekonomi kita, dalam memenuhi keperluan setiap kaum. Hal ini merupakan isu yang penting untuk dibincangkan ketika ini.

Menurut Chandra Muzaffar (2012) terdapat jurang pendapatan dan perbezaan gaya hidup antara masyarakat atasan dan bawahan dalam kelompok Bumiputra adalah lebih jelas sekarang berbanding 15 tahun yang lepas. Walaupun angka ketidakseimbangan pendapatan bagi satu kaum kini tidak mudah diperolehi. Pendekatan untuk memperbaiki ekonomi mengikut kaum tanpa mengambil kira kedudukan masyarakat dalam strata atas atau strata bawah, tidak boleh mengatasi masalah ekonomi masyarakat Bumiputera.

Bagi Chandra Muzaffar keadilan sosial dari aspek ekonomi telah lama dilaksanakan Keazaman yang kuat untuk meningkatkan keadaan ekonomi orang Melayu terutamanya selepas penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah menghasilkan transformasi

ekonomi dan sosial masyarakat Melayu secara mendadak dalam jangka masa yang pendek, iaitu selama tempoh satu generasi. Transformasi seperti ini tidak banyak berlaku dalam sejarah kontemporari negara lain. Bukan sahaja tahap kemiskinan orang Melayu telah turun kepada 5.1% mereka yang hidup di bawah tahap kemiskinan kini berbanding 64% pada tahun 1957, tetapi masyarakat Melayu juga telah menjadi golongan yang signifikan (40%) di dalam kelas pertengahan.

Walau bagaimanapun, Chandra muazaffar juga berpendapat bahawa pendekatan kaum dalam pembangunan ekonomi mempunyai kelemahannya juga. Pertama, ia telah meruncingkan peluang ekonomi dan pendidikan bagi sebahagian penting masyarakat bukan Melayu dan dalam sesetengah situasi, boleh mengekang pergerakan sosial mereka. Kedua, dalam dua dekad yang lalu, sebahagian masyarakat Melayu di Kawasan bandar telah mula menyedari bahawa golongan Melayu yang mempunyai talian politik yang kuat dalam strata pertengahan dan atasan telah mendapat manfaat yang lebih banyak. Namun konsep dan matlamat utama DEB adalah menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum harus diperluaskan lagi dengan merangkumkan golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik tidak kira latar belakang budaya dan agama. Dalam makna kata lain, keperluan masyarakat dan bukannya faktor kaum yang menjadi panduan dalam mencapai negara yang sejahtera.

Selain itu, Khoo Kay Kim menjelaskan bahawa keadilan sosial dari sudut ekonomi telah lama dibahaskan. Jika telusuri sejarah, pada awal 1970an lagi telah menyaksikan bahawa pelancaran ekonomi baharu yang mempunyai dua matlamat utama iaitu menghapuskan kemiskinan dan yang kedua ialah menyusun kembali masyarakat Malaysia yang pelbagai. Untuk mengatasi masalah kemiskinan, kerajaan berusaha menambah baik peluang pekerjaan untuk rakyat terutamanya dengan memajukan bidang perindustrian. Di samping itu pembangunan kawasan desa diperhebatkan. Untuk menjayakan usaha ini pelbagai projek dijalankan seperti diadakan rancangan pendidikan dan latihan yang lebih berkesan. Penyusunan kembali masyarakat pada dasarnya bererti melipatgandakan keterlibatan orang Melayu dalam sektor perindustrian dan perdagangan supaya lama kelamaan pekerjaan bagi semua kaum dapat mencerminkan perseimbangan dalam kaum-kaum di Malaysia (Khoo Kay Kim 1984).

Di negara ini, pengagihan kekayaan yang tidak adil sering bertindih dengan kumpulan etnik dan kawasan geografi, walaupun situasinya kini semakin baik berbanding masa lalu. Sejak sekian lama wujud tanggapan salah bahawa semua orang Cina kaya manakala semua orang Melayu miskin. Persepsi ini diperkukuhkan lagi dengan hakikat sebahagian besar orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar sebagai petani yang membentuk majoriti golongan miskin. Ini berbeza dengan kenyataan majoriti bukan Melayu, terutama orang Cina yang membentuk masyarakat di kawasan bandar, dengan pendapatan lebih tinggi atau lebih kaya. Akan tetapi ini adalah pandangan yang terlalu mudah. Terdapat juga ramai orang India miskin di ladang-ladang dan juga mereka yang terpaksa berpindah ke bandar, dan juga orang Cina miskin yang bekerja sebagai buruh dan tinggal di kawasan mundur di bandar. Pada masa yang sama, terdapat semakin banyak orang Melayu yang semakin kaya dan hidup sangat mewah di kawasan bandar yang eksklusif. Agihan kekayaan yang tidak adil dan ketidakadilan pendapatan yang melampau juga menjejaskan capaian kepada kemudahan sosial (Syed Husin Ali 2015).

Selain itu, Syed Husin Ali (2015) perbezaan atau konflik kepentingan sering berlaku dalam bidang ekonomi mahupun politik. Semasa zaman penjajahan, peluang terhad untuk penduduk tempatan, akan tetapi selepas kemerdekaan pintu terbuka luas kepada mereka untuk

mendaki mobiliti sosial. Dari satu rancangan lima tahun ke satu rancangan lima tahun yang lain, beberapa projek pembangunan telah dirancang dan lebih banyak wang dibelanjakan. Semua peluang baru ini dibuka untuk pekerja, ahli perniagaan dan kontraktor. Oleh sebab sesetengah peniaga Cina mempunyai lebih banyak modal, pengalaman dan pengetahuan. Beliau juga berpendapat bahawa sistem ekonomi perlu disusun semula supaya tidak akan menyebabkan pemisahan yang berlaku dalam masyarakat majmuk. Di samping itu, beliau menekankan agihan kekayaan negara mesti adil dan saksama dan memihak kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik yang terdiri daripada semua latar belakang kaum. Dasar ini harus diteliti dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan keadilan untuk semua.

Dalam pada itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa Malaysia dilihat telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, pertumbuhan ekonomi tersebut telah berjaya diterjemahkan dalam bentuk penurunan kadar kemiskinan yang signifikan, peningkatan kualiti hidup rakyat malah kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan ke paras lima peratus serta pelbagai projek untuk membanteras kemiskinan dirancang dan dilaksanakan, namun di sebalik kejayaan tersebut rakyat masih menghadapi masalah kebocoran iaitu, kelompok sasaran masih tidak mendapat apa yang dijanjikan (Shamsul 2012). Malah rekod kecemerlangan ekonomi Malaysia dari segi pertumbuhan tersebut tidak diiringi oleh agihan pendapatan yang lebih sama rata dalam masyarakat.

Isu Keadilan Sosial aspek Hubungan antara Kaum

Sentimen hubungan antara kaum melonjak agak tinggi serta boleh menyebabkan ketegangan dalam masyarakat majmuk. Sentiasa terdapat kebimbangan bahawa ketegangan ini boleh meletus pada bila-bila masa menjadi konflik serius atau pertempuran. Apakah puncanya? Bolehkah masalah ini diselesaikan untuk memenuhi kemahuan setiap kaum? Pengkaji akan cuba untuk membahaskan dan membincangkan isu ini dari sudut pandangan sarjana Malaysia.

Menurut Chandra Muzaffar keadilan sosial dalam masyarakat majmuk lebih terserlah dalam aspek hubungan antara kaum. Biarpun keadaan hubungan antara kaum di Malaysia jauh lebih rumit jika dibandingkan dengan keadaan di beberapa buah negara berbilang kaum yang lain. Jika ditelusuri sejarah Malaysia mempunyai pengalaman trauma dalam konflik hubungan antara kaum.

Di samping itu, satu lagi faktor yang jarang diberi keutamaan dalam perbahasan tentang hubungan kaum di Malaysia adalah sikap kepemimpinan Melayu Islam. Kesediaan kepemimpinan Melayu menerima kaum-kaum bukan Melayu sebagai warganegara yang memiliki hak yang sama dalam masyarakat berbilang kaum merupakan salah satu daripada elemen hubungan antara kaum. Melalui kesediaan mereka ini, konsep negara Melayu yang menjadi impian pejuang-pejuang nasionalisme Melayu sejak awal kurun 20 dikorbankan untuk mewujudkan sebuah negara majmuk. Antara faktor-faktor yang mendorong pengorbanan kepimpinan Melayu ini ialah sikap keIslaman mereka. Ini adalah kerana Islam sebagai sistem akidah dan falsafah hidup menganjurkan penerimaan terhadap golongan-golongan minoriti yang bukan Islam asal sahaja mereka tidak memusuhi masyarakat Islam. Sikap toleransi pemimpin Melayu ini yang disokong oleh budaya Melayu dan masyarakat Melayu telah memudahkan proses kerjasama antara kaum sejak Merdeka (Chandra Muzaffar 1996).

Walaupun penting untuk masyarakat bukan Melayu memahami penzahiran negara Malaysia hari ini yang lahir dari sebuah kerajaan Melayu, pemimpin-pemimpin Melayu juga harus memainkan peranan penting dalam meyakinkan masyarakat Cina dan India bahawa mereka juga komited terhadap pembangunan masyarakat yang tidak berteraskan pada etnik semata-mata. Sebaliknya mereka harus bertumpu kepada visi keadilan yang menyeluruh dan nilai kemanusiaan kita. Kita telah menunjukkan bahawa apabila keadilan lebih diutamakan dari perbezaan kaum barulah cabaran-cabaran dalam ekonomi Melayu boleh ditangani. Prinsip yang sama juga patut diaplikasikan kepada situasi masyarakat bukan Melayu. Apabila kita mengetepikan tuntutan-tuntutan tidak munasabah akibat kurang pemahaman tentang sifat masyarakat berbilang kaum, kita berdepan dengan tuntutan-tuntutan yang betul-betul munasabah dari masyarakat bukan Melayu yang berkaitan dengan isu-isu keadilan sosial. Tuntutan-tuntutan ini hanya boleh diselesaikan apabila pemimpin-pemimpin lebih berdedikasi dalam berlaku adil kepada semua, tanpa mengira etnik. Kekhawatiran antara etnik kita hanya akan lenyap dengan sistem keadilan sedemikian (Chandra Muzaffar 2012)

Namun begitu, unsur-unsur ketidakadilan sosial dalam hubungan antara kaum masih juga berlaku. Keharmonian yang wujud kini tidak bermakna bahawa masyarakat majmuk tidak menghadapi masalah-masalah tertentu. Walaupun ada kerjasama di kalangan masyarakat yang pelbagai seperti interaksi antara kaum di sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dan tempat kerja masih berkurangan. Di tempat-tempat kerja umpamanya, interaksi yang berlaku hanya sekadar functional, iaitu pekerja-pekerja yang berlainan kaum mengadakan hubungan antara satu sama lain untuk tujuan kerja semata-mata. Yang belum wujud adalah interaksi yang didorong oleh persahabatan dan kemesraan (Chandra Muzaffar 2012).

Ini membawa maksud terdapat segolongan daripada rakyat Malaysia masih bersikap eksklusif dalam pergaulan harian mereka. Prejudis, stereotaip dan syak wasangka masih mempengaruhi hubungan antara kaum. Yang lebih menghampakan, sebahagian besar daripada masyarakat bukan Bumiputera masih berpendapat bahawa sistem politik dan sosial yang wujud kini kurang adil kepada kepentingan mereka, seperti mana juga sebahagian daripada masyarakat Bumiputera masih meragui kejujuran golongan-golongan tertentu di kalangan masyarakat bukan Bumiputera, terutamanya dalam bidang perniagaan. Kegelisahan yang timbul dalam keadaan sedemikian rupa sudah pasti menghalang perpaduan yang berdasarkan pada keadilan semua masyarakat.

Khoo Kay Kim (2009) menyebut beberapa halangan yang menghalang hubungan antara kaum di Malaysia. Pemisahan dari sudut geografi merupakan antara penyebab utama kepada perhubungan yang lebih erat antara kaum di negara ini. Perbezaan ini begitu ketara terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Beliau memberi contoh di Kuala Lumpur bahawa etnik India berpusat di Sentul dan Brickfields. Cina di tengah-tengah kota manakala Melayu pula di Kampung Baru. Kaum-kaum di Malaysia dilihat begitu cenderung untuk menonjolkan ciri-ciri organisasi yang bersifat perkauman dan juga keagamaan secara berlebihan.

Manakala, Syed Husin Ali (2015) dalam membahas isu ini secara umumnya, pertempuran antara kaum disebabkan oleh perbezaan dan konflik nilai atau kepentingan, atau kedua-duanya sekali. Terdapat perbezaan nilai antara orang Melayu dan Cina, kerana latar belakang agama dan budaya yang berbeza. Tambahan pula, terdapat jarak sosial antara masyarakat dan kebanyakan orang Melayu tidak tahu nilai-nilai orang Cina dan begitu juga orang Cina agak jahil tentang nilai-nilai Melayu. Walaupun pada hakikatnya mereka telah hidup

berdampingan sekian lama. Sistem komunikasi massa, tidak digunakan oleh mereka yang berkuasa untuk menggalakkan pemahaman yang lebih besar terhadap nilai dan budaya masing-masing.

Selain itu, sering kali masyarakat hanya mengabaikan perbezaan nilai walaupun mereka menyedarinya. Keadaan ini boleh membawa kepada salah faham yang tidak sepatutnya. Pertama, wujud kemungkinan satu kumpulan etnik atas kejahilan yang tanpa niat, menyinggung perasaan atau menimbulkan kemarahan kumpulan lain. Sebagai contoh, jika seorang petani Cina yang tinggal di hulu sungai menternak babi dan sungai yang sama jauh di hilir digunakan oleh orang Melayu untuk mandi dan mengambil air sembahyang, maka pertembungan besar dan ganas boleh berlaku dengan mudah.

Kedua, kerana mereka saling tidak mengenali latar belakang agama dan budaya etnik lain maka cenderung untuk timbul salah faham antara satu sama lain, dengan mengambil bentuk apa yang dikatakan oleh ahli sains sosial ialah stereotaip. Ciri-ciri tertentu yang sering dipandang rendah dikaitkan dengan keseluruhan kumpulan etnik. Sebagai contoh, ada orang Melayu yang menganggap orang Cina sebagai kotor, kuat menipu dan sentiasa taasub kepada wang. Dengan cara yang sama ada orang Cina yang menggambarkan orang Melayu sebagai malas, boros dan leka dengan hiburan. Mungkin, sifat-sifat ini benar bagi sesetengah orang Melayu dan sebahagian orang Cina, akan tetapi bukan kesemua mereka begitu. Hasil daripada stereotaip ini, prejudis berkembang. Apabila setiap kumpulan bersikap prejudis terhadap yang lain, ketegangan boleh berlaku, dan meletus menjadi pertempuran antara etnik. Malangnya, kedua-dua orang Melayu dan Cina mempunyai banyak stereotaip negatif terhadap kaum India, sehingga mereka sering dipandang rendah oleh etnik lain (Syed Husin Ali 2015).

Secara keseluruhannya, pengkaji melihat bahawa idea keadilan sosial yang dilontarkan ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk diaplikasikan apabila melibatkan masyarakat yang mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi agama, bangsa dan budaya. Jika pelaksanaan konsep keadilan sosial ini tidak dapat diaplikasikan dengan baik, maka boleh menimbulkan konflik dalaman dan luaran yang akan memberi impak kepada keharmonian dan kestabilan negara. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha yang dilakukan oleh para intelektual dan sarjana di Malaysia dalam menyelesaikan masalah ini dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang aman dan sejahtera. Justeru, pelaksanaan konsep keadilan sosial secara keseluruhannya yang mengambil kira semua aspek politik, ekonomi dan sosial tanpa menyentuh mana-mana sensitiviti budaya, agama dan kaum untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang pelbagai.

Isu Keadilan Sosial aspek Pendidikan dan Bahasa

Pada satu ketika dahulu, sehingga tahun 1980an, elemen pendidikan dan bahasa menjadi isu hangat dalam hubungan masyarakat majmuk. Dari semasa ke semasa, bergantung kepada keadaan, ia memuncak. Isu-isu pendidikan dan bahasa tetap menjadi perkara penting dalam kehidupan masyarakat majmuk dewasa ini. Persoalan-persoalan mengenai isu-isu pendidikan dan bahasa dapat melahirkan ketegangan dalam masyarakat majmuk. Keraguan juga masih wujud berkaitan pengekalan identiti kaum masing-masing dalam memelihara bahasa ibunda dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama.

Cahandra Muzaffar (2012) menjelaskan bahawa dalam aspek pendidikan hendaklah kedua-dua sekolah kebangsaan rendah dan menengah harus mewujudkan suasana yang lebih mesra kepada konsep masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Penekanan zahir yang berlebihan ke atas budaya sesuatu kaum tertentu hanya akan menimbulkan jurang antara masyarakat, terutamanya apabila tanggapan berprejudis yang mendalam terhadap sesebuah agama sudah terbenam di dalam benak masyarakat. Lebih penting, penekanan pada kepelbagaian ini mampu mendedahkan pelajar sekolah menengah kepada sejarah, budaya dan agama berlainan kaum yang membentuk sebuah gagasan, iaitu negara Malaysia. Apa yang perlu difahami di sini ialah selepas 11 tahun menuntut di sekolah kebangsaan, seorang pelajar Melayu sudah boleh memahami bukan sahaja mengenai agamanya sendiri, malah agama-agama dan budaya-budaya kaum lain juga dapat mereka fahami termasuklah masyarakat Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan pelajar dari kaum lain, dapat memahami budaya sendiri dan juga budaya dan agama teman sekampung mereka, terutamanya saudara-saudara Islam mereka.

Beliau juga menyatakan bahawa terdapat sebahagian ibu bapa di Malaysia menggalakkan memilih sekolah jenis lain apabila mereka menyedari bahawa kebolehan dan kecemerlangan akan sentiasa diakui tanpa mengira kaum dan diberi ganjaran di sekolah kebangsaan. Mana-mana murid yang mendapat prestasi yang menonjol dari sebuah sekolah kebangsaan, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi atau hubungan etnik, yang cemerlang Malaysia untuk memilih sekolah kebangsaan berasaskan dalam pelajaran dan aktiviti ko-kurikulum, perlu mempunyai akses yang setanding ke universiti awam dan biasiswa kerajaan serta bantuan kewangan yang lain. Jika langkah-langkah ini dapat diambil, peluang untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebuah institusi yang benar-benar memenuhi sifat kebangsaan mungkin akan terlahir dan akan menjadi sekolah yang diidamkan oleh setiap rakyat Malaysia.

Seterusnya berdasarkan penelitian kajian, Khoo Kay Kim (2015) menyatakan penyebab berlaku kerencaman kepada masyarakat majmuk adalah disebabkan dengan lebih kukuh lagi dengan pemisahan dari sudut pendidikan. Etnik Melayu, Cina dan India masing-masing mempunyai sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar berbeza walaupun dalam satu sistem pendidikan. Dalam bidang penerbitan juga berlaku pemisahan. Akhbar diterbitkan dalam Bahasa yang berbeza mengikut kaum. Begitu juga halnya dalam bidang pekerjaan yang terdapat pemisahan mengikut kaum seperti juga yang dinyatakan Khoo Kay Kim. Ramai kaum Melayu dalam perkhidmatan awam, Cina lebih dominan dalam komuniti perniagaan dan India pula tertumpu dalam bidang manual di peringkat bawah. Interaksi yang terdapat dalam masyarakat kosmopolitan di Malaysia berlaku di peringkat permukaan sahaja. Mereka berinteraksi di pasar, pejabat, persatuan bukan perkauman dan semasa acara sukan. Manakala generasi muda berinteraksi hanya di sekolah atau institusi pendidikan yang beraliran Inggeris sahaja. Selain itu, Khoo Kay Kim (2010) menjelaskan pendidikan ini sangat penting kepada sesebuah negara terutamanya Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Melalui aspek pendidikan usaha-usaha untuk mempertingkatkan keupayaan masyarakat dalam membangunkan negara serta menyatupadukan mereka boleh dapat dicapai.

Manakala Syed Husin Ali (2015) menjelaskan bahawa dalam isu pendidikan juga berlaku ketidakadilan dalam masyarakat majmuk. Di peringkat sekolah menengah, ada pembahagian etnik yang jelas antara sekolah jenis kebangsaan dan kebangsaan. Menurut laporan Kementerian Pendidikan, kira-kira 93 peratus orang murid Melayu pergi ke sekolah kebangsaan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pada masa yang sama, lebih

kurang sama kadar murid bukan Melayu, kebanyakannya Cina, menghadiri sekolah jenis kebangsaan yang mengajar dalam bahasa ibunda mereka, seperti Cina dan Tamil.

Di peringkat universiti pula, majoriti mahasiswa pergi ke universiti awam yang mengajar terutamanya dalam bahasa Melayu dan dibiayai kerajaan ialah mahasiswa Melayu. Kebanyakan mereka datang dari latar belakang luar bandar dan miskin serta tidak mahir dalam Bahasa Inggeris kerana mereka belajar di sekolah menengah aliran Melayu. Sering kali mereka ini menikmati bantuan kewangan kerajaan dalam bentuk biasiswa dan dermasiswa. Di universiti swasta yang lebih baik, yang mengajar dalam bahasa Inggeris, sebahagian besar mahasiswa adalah bukan Melayu terutamanya Cina yang jarang mendapatkan bantuan.

Selain itu, Syed Husin Ali juga menyatakan bahawa dalam isu pendidikan, ibu bapa yang kaya mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah antarabangsa eksklusif dan juga sekolah kerajaan yang mempunyai kakitangan lebih baik malah terdapat kemudahan yang lengkap di bandar besar. Walaupun banyak sekolah menengah sains kerajaan yang ditaja untuk orang Melayu miskin yang dibina di bandar kecil dan luar bandar kadang-kala lebih banyak berbanding dengan komposisi penduduk keseluruhan anak-anak dari keluarga yang agak kaya yang terlibat dalam perniagaan swasta atau perkhidmatan awam.

Kesimpulan

Ungkapan keadilan sosial tidak pernah surut daripada menjadi isu perdebatan dalam masyarakat di Malaysia. Di sebalik polemik itu, berlangsungnya perbahasan, kupasan, penelitian dan tafsiran yang mendalam di kalangan agamawan, ahli akademik dan para penyelidik. Hal ini telah merancakkan lagi wacana keadilan sosial. Lebih menarik lagi, perbahasan keadilan sosial mengikut isu yang diketengahkan, skop dan lokasi yang berbeza. Dalam kajian ini pengkaji dapat memberi gambaran bahawa terjemahan keadilan sosial kepada kesamarataan, keseimbangan dan tidak ekstrem itu tidak bercanggahan dengan pentafsiran oleh para ulama. Apa yang dilakukan adalah untuk menyesuaikan dengan konteks lokaliti dan masyarakat Malaysia.

Kajian konsep keadilan sosial merupakan salah satu aspek yang sangat penting untuk mewujudkan keharmonian dan kestabilan di negara Malaysia. Melalui wacana keadilan sosial dapat memberi kefahaman secara mendalam kepada masyarakat tentang keseimbangan dan kesaksamaan yang diterapkan dalam konsep keadilan sosial. Kefahaman mengenai keseimbangan itu bukan hanya kepada masyarakat Islam tetapi dapat dikembangkan kepada masyarakat bukan Islam terutamanya, masyarakat majmuk di Malaysia. Kepelbagaian kaum dengan kepelbagaian latar belakang agama dan budaya seperti negara Malaysia yang sering menghadapi cabaran dari segi perkauman, agama, Bahasa, budaya dan sebagainya yang menggugat kestabilan dan keharmonian kaum. Malah dalam masa yang sama juga boleh mengancam Kestabilan ekonomi dan politik yang juga merupakan prinsip penting dalam pembangunan masyarakat majmuk.

Rujukan

- A. H. Ahmad Sarji. (2005). *Sekadar berpendapat*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam, Malaysia
- Ali Anwar Yusuf. 2002. *Wawasan Islam*. Bandung: Pustaka Setia
- Chandra Muzaffar (1996), “*Keadilan Sosial di Malaysia: Satu Penilaian*”, dalam Azizan Bahari & Chandra Muzaffar (eds.), *Keadilan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Chandra Muzaffar. (2012). *Perjalanan... ke arah satu Malaysia*. Kuala Lumpur: Zubedy Ideahouse Sdn. Bhd
- Hazman Baharom. (2019). *Perihal Keadilan Tinjauan Wacana Keadilan Moden*. Petaling Jaya: Strategic Information And Research Development Centre (SIRD)
- Khoo, K. K. (1987). *Kenegaraan 30 tahun: Satu perspektif sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Khoo, K. K., & Alias Mohamed. (1984). *Masalah sosial dan politik di Malaysia: Kumpulan esei mengenai isu semasa*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Khoo, K. K. (2010). *1 Malaysia: Peranan pelajar kearah mencapainya*. Petaling Jaya, Selangor: Nur Ilmu.
- Khoo, Kay Kim. 2009. The Emergence of Plural Communities in The Malay Peninsular Before 1874. Dlm. Lim Teck Ghee, Albarito Gomes dan Azly Rahman (pnyt.). *Multiethnic Malaysia: Past, Present and Future*, hlm. 11- 31. Petaling JayaKH: Strategic Information and Research Development Centre.
- Mohamed Jusoh. 1978. *Konsep Keadilan Sosial*. Kuala Lumpur: Yayasan DakwahIslamiah Malaysia
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Selangor: Institut Kajian Etnik UKM.
- Syed Husin Ali. (2015). *Hubungan etnik di Malaysia: Harmoni dan konflik*. Petaling Jaya: SIRD.
- Syed Husin Ali. (1979). *Orang Melayu: Masalah dan masa depannya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi,